



## MEDIA DAN POLITIK: PERSEPSI WARTAWAN MALAYSIA TERHADAP AHLI POLITIK WANITA

*MEDIA AND POLITICS: MALAYSIAN JOURNALISTS' PERCEPTIONS TOWARDS  
WOMEN POLITICIANS*

Nur Farazilla Mohd Arasd<sup>1</sup>, Mohd Shahnawi Muhammad Pirus<sup>2\*</sup>, Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia  
Email: fara.farazilla@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia  
Email: dr\_shahnawi@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia  
Email: nasliza@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 27.07.2023

Revised date: 22.08.2023

Accepted date: 10.09.2023

Published date: 20.09.2023

Arsad, N. F. M., Pirus, M. S. M., & Nasir, N. N. A. M. (2023). Media Dan Politik: Persepsi Wartawan Malaysia Terhadap Ahli Politik Wanita. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (33), 123-134.

DOI: 10.35631/IJLGC.833010

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Wartawan seharusnya menulis berita yang disokong oleh fakta yang disahkan. Ahli politik merupakan sumber yang paling kerap dirujuk oleh wartawan dalam pelaporan berita mereka. Oleh itu, wartawan harus mencari sumber dari mana dakwaan itu boleh diambil sebagai fakta tanpa melihat kepada jantina sumber berita tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyiasat persepsi wartawan Malaysia terhadap ahli politik wanita. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan maklumat dengan menemu bual 11 Wartawan Malaysia. Analisis Tematik digunakan untuk menganalisis dapatan kajian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati wartawan Malaysia tidak mempunyai persepsi negatif terhadap ahli politik wanita. Ini selaras dengan matlamat mereka sebagai wartawan yang ingin berkhidmat kepada masyarakat dan menjalankan tugas dengan penuh integriti. Secara keseluruhannya, kebanyakan wartawan Malaysia tidak secara terbuka menyatakan ketidakpercayaan mereka terhadap ahli politik wanita. Malahan, ahli politik wanita dipercayai mempunyai kualiti yang lebih tinggi berbanding ahli politik lelaki.

### Kata Kunci:

Media, Persepsi, Wartawan, Ahli Politik Wanita, Malaysia

**Abstract:**

Journalists are supposed to write news that is supported by verified facts. Politicians are the most frequently cited source by journalists in their news reporting. Therefore, journalists should look for sources from which the claims can be taken as fact regardless of the sources' gender. Thus, this study aims to investigate the Malaysian Journalists' perceptions towards women politicians. This study employed a qualitative method with semi-structured interviews to extract information by interviewing 11 Malaysian journalists. Thematic analysis was used to analyse the findings. In the context of this study, the researcher discovered that Malaysian journalists do not have a negative perception towards women politicians. This is in line with their goals as journalists who wanted to serve the public and carry out their work with integrity. Overall, most Malaysian journalists do not openly mistrust female politicians. In fact, women politicians are believed to have superior qualities than male politicians.

**Keywords:**

Media, Perceptions, Journalists, Woman Politicians, Malaysia.

## Pengenalan

Kurangnya perwakilan wanita dalam arena politik adalah fenomena yang berlaku di seluruh dunia. Pelbagai kajian dan forum global secara berterusan dilakukan di seluruh dunia yang menuntut kesaksamaan gender termasuk dalam hal ehwal kepimpinan politik (Stoet & Geary, 2020). Menurut Azmawati et al. (2017), wanita di Malaysia menghadapi beberapa kekurangan dalam kehidupan mereka sama ada dalam konteks sosial atau profesional. Terdapat keperluan mendesak untuk menyelesaikan bentuk sistemik perbezaan jantina di Malaysia kerana ia mempengaruhi kehidupan dan pengalaman wanita.

Persidangan Wanita Sedunia di Beijing pada tahun 1995 memfokuskan kepada 13 bidang kritikal untuk menangani ketidaksamaan jantina dan salah satunya melibatkan jantina dan pemaparan media. Kerajaan Malaysia komited untuk mewujudkan dan menguatkuaskan strategi yang akan meningkatkan kesaksamaan gender dalam masyarakat (Azmawati et al., 2017; Persidangan Wanita Sedunia Beijing, 1995). Namun, jurang jantina dalam masyarakat Malaysia masih ketara. Profesional media merekodkan ketidaksamaan jantina dan stereotaip dalam pemaparan media. Perkara yang sangat mengecewakan apabila melihat keadaan yang tidak berubah dalam persekitaran media Malaysia bilamana wanita secara terus distereotaipkan dan digunakan untuk mengiklan, menjual, dan menggunakan barang. Jangkaan dan andaian sosial tidak mengambil kira peranan wanita yang 'sepatutnya' dalam masyarakat (Azmawati et al., 2017).

Malaysia berada di kedudukan ke-102 dalam Indeks Jurang Jantina 2023 dengan skor 0.682 (68.2%) berbanding tahun 2022, apabila berada di kedudukan 104 dengan skor indeks 0.681 (68.1%). Ini menunjukkan bahawa Malaysia berada di landasan yang baik dalam mencapai kesaksamaan jantina. Indeks Jurang Jantina Global memeriksa jurang jantina mengikut empat kategori utama dan 14 penunjuk berbeza yang membentuknya. Kategori tersebut termasuk (1) Penyertaan dan Peluang Ekonomi, (2) Pencapaian Pendidikan, (3) Kesihatan dan Kemandirian dan (4) Pemeriksaan Politik (Schwab, 2019; World Economic Forum, 2023).

Ahli politik tidak kira lelaki atau wanita merupakan sumber rujukan dalam mendapatkan maklumat untuk dijadikan bahan berita oleh wartawan. Para wartawan akan kembali ke pejabat dengan bahan berita dan akan disiarkan, tidak kira sama ada muka depan atau muka dalam (Manimaran, 2021). Menurut Mohd Zuwairi et al. (2016), dalam arena kewartawanan, sumber memainkan peranan penting dalam sesuatu berita. Ini kerana, para wartawan bergantung kepada sumber dalam menulis dan mengolah berita mereka untuk disebarluaskan kepada masyarakat. Dalam arena politik, sumber utama dalam mendapatkan maklumat adalah melalui temu bual bersama ahli politik. Namun, pemilihan ahli politik sebagai sumber maklumat adalah berdasarkan kepada kelayakan yakni beliau merupakan individu yang layak dalam memberi idea atau pendapat mengenai isu politik yang sedang diperkatakan (Mohd Zuwairi et al., 2016).

Maka, kajian ini bertujuan untuk menyiasat apakah persepsi wartawan Malaysia terhadap ahli politik wanita. Sebagai individu yang terlibat secara langsung dalam arena politik negara, ahli politik wanita termasuk dalam kategori sumber yang dirujuk oleh wartawan dalam mendapatkan sesuatu maklumat. Ekoran itu, adalah penting untuk mengetahui apakah persepsi wartawan Malaysia terhadap ahli politik wanita yang merupakan salah satu sumber penting mereka dalam menyediakan berita politik yang terkini dan berkualiti kepada masyarakat.

### Sorotan Literatur

Pada pilihan raya umum Malaysia 2018 (PRU14), calon wanita bertanding menentang calon wanita yang lain atau individu terkenal dan berpengaruh dalam arena politik. Akibatnya, ia mengurangkan peluang untuk wakil wanita menang dan sekali gus menjadi wakil rakyat dalam kalangan masyarakat. Tiga menteri wanita di Malaysia yang memenangi pilihan raya tersebut memegang portfolio yang bukan dikategorikan sebagai penting dan kritikal (Yeong, 2018). Sekiranya trend ini berterusan, perwakilan wanita dalam politik Malaysia mungkin terus kekal rendah dan berpotensi untuk tidak diwakili pada masa akan datang.

Menurut Gelashvili (2019), penglibatan wanita dalam arena politik bergantung kepada kerelevan peranan mereka sebagai ahli politik, sama ada berkaitan jawatan yang disandang atau penglibatan mereka dalam sesebuah agensi. Secara tradisinya, lelaki dikaitkan dengan peranan sebagai pemimpin manakala wanita sekadar peneman. Dengan itu, perwakilan wanita dalam arena politik adalah penting untuk menawarkan keseimbangan kuasa dan suara yang sihat untuk rakyat. Malah dalam dunia kontemporari, kerana stigma masyarakat dan negara, kajian lepas mendedahkan bahawa sangat sedikit wanita yang melibatkan diri dalam arena politik (Abdul Manan, 2019; Azizah, 2002; Gelashvili, 2019; Louis, 2020; Yeong, 2018). Berdasarkan rekod Pusat Hak Asasi dan Pendidikan (EMC) Georgia (2015), peratusan rendah penglibatan wanita dalam arena politik adalah peristiwa semasa berikut dasar demokrasi yang sedia ada dan baharu.

Di Malaysia, kempen politik jarang menumpukan kepada pemerkasaan wanita. Tambahan lagi, berbanding lelaki, wanita masih ketinggalan agak jauh dalam arena politik di mana kurangnya perwakilan mereka sebagai wakil rakyat (Department of Statistics Malaysia, 2020; Louis, 2020). Menurut Goyanes, López-López & Demeter (2021), wartawan memainkan peranan yang besar dalam membentuk perjalanan karier politik bagi ahli politik wanita. Namun, ahli politik wanita masa kini masih menghadapi cabaran dalam mendapatkan liputan media sama ada secara dalam talian atau luar talian berbanding ahli politik lelaki yang lebih disukai oleh para wartawan. Menurut Van der Pas & Aaldering (2020), ahli politik wanita kurang mendapat perhatian para wartawan terutamanya dalam hal melibatkan kepimpinan politik mereka.

Perhatian terhadap ahli politik wanita lebih menumpukan kepada perkara peribadi. Hal ini boleh menjelaskan kerjaya politik mereka kerana perhatian peribadi menekankan aspek bukan politik, yang boleh mempengaruhi cara orang menilai pemain politik wanita.

Pemimpin wanita dilihat kurang mendapat perhatian media di samping kenyataan mereka sering kali disalahtafsirkan. Mereka juga kurang dirujuk sebagai sumber berita sama ada dalam berita arus perdana mahupun berita dalam talian. Sebaliknya, mereka sering didekati untuk membincangkan topik berkaitan isu stereotaip wanita. Selain itu, wartawan juga beranggapan bahawa pemimpin lelaki adalah sesuai untuk membincangkan isu maskulin manakala pemimpin wanita hanya sesuai untuk membincangkan isu feminin (Vu, Lee, Duong & Barnett, 2018).

Menurut Kesatuan Antara Parlimen (2017), ahli parlimen dunia terdiri daripada 77% wakil lelaki. Hanya di Rwanda dan Bolivia (dua daripada 193 parlimen di dunia) mempunyai sekurang-kurangnya 50% wakil wanita. Selama beberapa dekad, norma kesaksamaan jantina telah diperjuangkan secara aktif dalam masyarakat Barat, namun ia belum diterjemahkan kepada kesaksamaan gender dalam politik (Van Der Pas & Aaldering, 2020). Terdapat banyak halangan yang dihadapi oleh wanita untuk menyertai politik. Antaranya adalah kurangnya sokongan daripada keluarga, parti politik itu sendiri serta persepsi masyarakat terhadap dunia politik. Di Malaysia, lelaki mendominasi arena politik dan mereka berasa terancam dengan kemungkinan wanita mengambil jawatan yang lebih tinggi. Ini tercermin dalam lingkungan politik tempatan bahawa sesetengah lelaki tidak sanggup berkongsi kuasa dengan wanita dalam ekosistem politik yang sama (Abdul Manan, 2019; Azizah, 2002; Gelashvili, 2019).

Menurut Munir, Shehzad & Sahi (2014), wartawan membina persepsi terhadap ahli politik wanita. Media seringkali mengaitkan ahli politik wanita dengan isu masalah rumah tangga dan ciri-ciri tertentu seperti beremosi, lemah, rapuh, dan tidak berdaya saing sehingga menimbulkan 'pandangan mengelirukan' tentang mereka. Jika media tempatan memberikan ruang yang sepatutnya kepada ahli politik wanita, sudah semestinya pendapat orang ramai tentang mereka akan berubah ke arah yang lebih positif. Tambahan lagi, Bligh, Schlehofer, Casad & Gaffney (2012) menjelaskan, media berupaya mempengaruhi pandangan pengundi terhadap pemimpin politik sebagai positif atau negatif, serta penilaian keseluruhan mereka terhadap pemimpin tersebut.

Selain itu, wartawan dilihat mengaktifkan stereotaip gender apabila mereka menulis tentang isu politik. Ini dapat dilihat apabila wartawan sering mengaitkan ahli politik lelaki dengan gaya kepimpinan yang cergas dan berkemahiran tinggi, manakala ahli politik wanita pula disamakan dengan ciri-ciri bertentangan yang tidak diingini oleh pengundi (Van Der Pas & Aaldering, 2020). Sementara itu, Konnelly (2020) menjelaskan, pelaporan berita mengenai isu politik oleh wartawan adalah menjurus kepada stereotaip gender dari segi gaya kepimpinan. Ini dapat dilihat apabila liputan media mengenai ahli politik sentiasa mencetuskan stereotaip gaya kepimpinan gender yang boleh meyakinkan khalayak. Sebagai contoh, ahli politik lelaki akan sering kali dikaitkan dengan ciri-ciri kepimpinan yang positif. Namun, seharusnya perkara ini tidak terjadi kerana pelaporan media berkaitan isu politik perlu bersandarkan kepada kredibiliti individu dan bukannya kepada jantina (Konnelly, 2020; Kumari & Joshi, 2015).

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan Kualitatif melalui temu bual mendalam secara bersemuka dalam mendapatkan data daripada informan yang dikenal pasti. Seramai 11 orang informan

yang terdiri daripada wartawan Malaysia yang terlibat dalam kajian ini di mana masing-masing bertugas di Bernama, Portal Berita Getaran, Selangor TV, Portal Gayah, RTM, UMNO Online serta Media Prima. Creswell, Hanson, Clark-Plano & Morales (2007) mencadangkan bahawa sekurang-kurangnya lima informan adalah mencukupi untuk menjalankan temu bual kualitatif.

Informan dalam kajian ini dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan yang merujuk kepada sampel yang melibatkan peserta yang mempunyai ciri-ciri tertentu (Coyne, 1997). Pemilihan 11 wartawan dalam kajian ini adalah berdasarkan ciri-ciri berikut: (1) telah berkhidmat sebagai wartawan sekurangnya selama 10 tahun dan ke atas; dan (2) mempunyai pengalaman dalam menulis tentang senario politik dan ahli politik wanita. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan kaedah Analisis Tematik yang merujuk kepada kaedah dalam mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak yakni 'tema' dalam data. Terdapat enam proses dalam menganalisis data menggunakan Analisis Tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun & Clarke (2006), iaitu (1) membiasakan data; (2) menjana kod awal; (3) mencari tema; (4) menyemak tema; (5) mentakrif dan menamakan tema dan (6) menghasilkan laporan.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Dapatan yang dibincangkan adalah meliputi tiga perkara iaitu (1) demografi informan, (2) persepsi wartawan Malaysia terhadap ahli politik wanita serta (3) saranan wartawan Malaysia kepada ahli politik wanita dalam membina reputasi diri yang baik di mata media dan masyarakat.

#### ***Demografi Informan***

Seramai 11 orang informan terlibat dalam kajian ini. Setiap informan adalah unik dari segi latar belakang mereka. Informan terdiri dalam kalangan wartawan Malaysia yang berpengalaman luas dalam bidang kewartawanan dengan sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman bekerja. Kebanyakan mereka bekerja untuk media arus perdana yang memfokus kepada media digital dalam menyampaikan berita kepada khalayak sasaran. Ke semua informan telah berkongsi pengalaman dan menyuarakan pandangan yang jelas dan boleh dianggap sebagai input yang sangat berharga untuk kajian ini. Maklumat lengkap mengenai ke semua informan adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Demografi Informan**

<b>Informan</b>	<b>Jantina</b>	<b>Pengalaman</b>	<b>Organisasi</b>
Informan 1	Wanita	33 tahun	Bernama
Informan 2	Wanita	24 tahun	Portal Berita Getaran
Informan 3	Lelaki	20 tahun	Selangor TV
Informan 4	Wanita	18 tahun	Bernama
Informan 5	Lelaki	18 tahun	Portal Gayah
Informan 6	Lelaki	10 tahun	RTM
Informan 7	Lelaki	26 tahun	UMNO Online
Informan 8	Wanita	19 tahun	Bernama
Informan 9	Wanita	11 tahun	Media Prima
Informan 10	Lelaki	15 tahun	Media Prima
Informan 11	Wanita	14 tahun	Bernama

### **Persepsi Wartawan Malaysia Terhadap Ahli Politik Wanita**

Hasil kajian mendapati, wartawan Malaysia tidak mempunyai persepsi negatif terhadap ahli politik wanita. Ini dapat dilihat apabila mereka dengan jelas memaklumkan (1) tiada sebarang unsur pilih kasih atau bias dari segi pelaporan berita. Di samping itu, wartawan Malaysia juga mengakui bahawa (2) ahli politik wanita umumnya dilihat memiliki kualiti yang lebih baik berbanding dengan ahli politik lelaki. Tambahan lagi, wartawan Malaysia juga menegaskan akan (3) kepentingan untuk mendapatkan pandangan daripada kedua-dua jantina terhadap sesuatu isu yang sedang dibincangkan.

### **Tiada Sebarang Unsur Pilih Kasih Atau Bias Dari Segi Pelaporan Berita**

Para informan memaklumkan, tiada sebarang unsur pilih kasih atau bias dari segi pelaporan berita. Jantina seseorang ahli politik itu tidak mempengaruhi mereka dalam mendapatkan sesuatu maklumat. Ini kerana, wartawan Malaysia memahami tanggungjawab dan amanah yang dipikul. Ahli politik dirujuk sebagai sumber dalam mendapatkan sesuatu maklumat adalah berdasarkan kepada kredibiliti, keupayaan dan pengalamannya dan bukan berdasarkan jantina.

*“Saya tidak nampak sebarang masalah dengannya...sama rata...ia bukan berdasarkan jantina. Terpulang kepada kredibiliti...bagaimana individu membawa diri.. Kita telah melihat ini sepanjang sejarah, jika tidak... kita tidak akan mendengar kisah tentang Tun Teja...Hang Li Po dan lain-lain lagi...” (Informan 4)*

*“Sebenarnya...bagi saya...tiada faktor...atau pemisah jantina dalam politik. Faktor yang melibatkan...adalah keupayaan.... Ia juga bergantung kepada pengalaman...adakah mereka cukup berani? Juga kemahiran komunikasi mereka.....kami hanya menjalankan tugas kami...kerana kami melaporkan apa yang ditetapkan...oleh naratif. Itu...sesuatu yang kita patut tahu erm...buat kerja kita...buat tugas kita sebagai wartawan...” (Informan 7)*

*“.....apa yang saya dapat lihat...pertumbuhan kerjaya untuk ahli politik lelaki atau wanita...mereka mengikut haluan yang sama. Ia adalah...semuanya tentang bagaimana mereka boleh memacu diri mereka dalam politik... adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai wartawan untuk melaporkan berita...seadanya” (Informan 1)*

*“Ummm...saya akan merujuk kepada siapa yang pakar tentang isu tersebut..... Saya tidak akan memilih berdasarkan jantina. Selagi dia berada dalam bidang...layak...maka saya akan merujuk kepadanya... (Informan 6)*

*“.....Apa yang telah dicapai oleh Wan Azizah...ia adalah detik yang membanggakan bagi wanita...sekurang-kurangnya dia menjadi timbalan perdana menteri. Jadi...tidak mustahil untuk kita mempunyai perdana menteri wanita... Kami berfikiran terbuka tentang perkara ini” (Informan 8)*

### **Ahli Politik Wanita Umumnya Dilihat Memiliki Kualiti Yang Lebih Baik Berbanding Dengan Ahli Politik Lelaki**

Wartawan Malaysia juga mengakui bahawa, ahli politik wanita umumnya dilihat memiliki kualiti yang lebih baik berbanding dengan ahli politik lelaki walaupun mereka menghadapi pelbagai kekangan. Pendapat yang diutarakan oleh wartawan Malaysia ini adalah berdasarkan pengalaman mereka sendiri semasa menjalankan tugas di samping pemerhatian terhadap rakan-rakan wartawan yang lain dan persekitaran mereka.

*“Saya akan katakan...ahli politik wanita lebih boleh dipercayai. Anda sebenarnya boleh mempercayai mereka berbanding daripada ahli politik lelaki. Mereka sentiasa melakukan kerja mereka...dalam bidang kuasa mereka” (Informan 2)*

*“.....Saya mempercayai wanita dalam memberi maklumat kerana persediaan...saya sendiri...dan oleh orang lain. Dan untuk lelaki, skrip diberikan...atau disediakan oleh orang lain. Jadinya, ia boleh dipercayai jika maklumat datang dari perempuan berbanding daripada lelaki” (Informan 3)*

*“Jantina tidak menjadi masalah...Ini semua tentang keupayaan. Tetapi apa yang saya lihat...Wan Azizah...sangat diplomatik. Dia tahu...bagaimana untuk keluar dari situasi. Dia berfikir dengan teliti...dan dia tidak meletakkan dirinya dalam situasi yang tidak perlu...Dari segi idealis....saya tidak nampak apa yang salah...ermmm....Lihat sahaja Indonesia...India...Filipina...mereka mempunyai ahli politik wanita. Jadi mengapa tidak kita...kita mesti memusnahkan stigma wanita tidak boleh menjadi pemimpin...kita mesti memperhalusi...kita adalah golongan intelektual” (Informan 10)*

### **Kepentingan Untuk Mendapatkan Pandangan Daripada Kedua-Dua Jantina Terhadap Sesuatu Isu Yang Sedang Dibincangkan**

Selain itu, wartawan Malaysia juga menegaskan akan kepentingan untuk mendapatkan pandangan daripada kedua-dua jantina terhadap sesuatu isu yang sedang dibincangkan. Ini kerana ia akan dapat memberikan perspektif yang seimbang kepada berita yang ingin disampaikan. Dengan mempunyai kedua-dua pandangan, ini akan mengurangkan berat sebelah semasa melaporkan berita.

*“Ya...Saya percaya itu adalah satu kemestian untuk mendapatkan pandangan daripada kedua pihak, lelaki dan perempuan...Ia merupakan peraturan am... Ia bukan sahaja perlu...ia wajib...supaya anda mendapat cerita yang seimbang... ” (Informan 3)*

*“Ia diperlukan untuk mendapatkan pandangan dari lelaki dan wanita...ermmm...untuk mengimbangi berita... anda tidak perlu bersikap berat sebelah..... ”(Informan 9)*

*“Saya percaya begitu.... Sepanjang tempoh saya menjalankan tugas...saya melakukan ini...semata-mata supaya....kita boleh mendapat pandangan daripada kedua-dua belah pihak” (Informan 2)*

Fernández-Rovira dan Giraldo-Luque (2021) menjalankan kajian mengenai bagaimana ahli politik wanita di Sepanyol, Perancis dan United Kingdom dilayan oleh pihak media. Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti polariti (positif, neutral atau negatif) maklumat yang diterbitkan mengenai ahli politik wanita dalam media. Analisa yang dijalankan ke atas 1100 karya jurnalistik mendedahkan bahawa, polariti ahli politik wanita yang dianalisis adalah neutral dan positif di mana ini menunjukkan perkembangan dalam pengiktirafan wanita sebagai aktor politik yang mendapat perhatian daripada pihak media. Sementara itu, dapatan kajian ini juga memperlihatkan situasi yang sama di mana layanan wartawan Malaysia terhadap ahli politik wanita adalah bersifat neutral dan positif di mana tiada unsur bias atau penindasan. Setiap bahan bernilai berita hanya berkaitan dengan individu, bukan jantina mereka. Ini termasuk keupayaan mereka sebagai ahli politik dan bagaimana mereka menegakkan ideologi parti politik. Di samping itu, ahli politik dirujuk sebagai sumber berita adalah kerana kredibilitinya dan bukan kerana jantinanya.

### ***Saranan Wartawan Malaysia Kepada Ahli Politik Wanita Dalam Membina Reputasi Diri Yang Baik Di Mata Media Dan Masyarakat***

Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh ahli politik wanita dalam membina reputasi diri yang baik di mata media dan masyarakat. Wartawan Malaysia menjelaskan, keperibadian dan pembawaan diri ahli politik wanita itu sendiri dalam arena politik dapat membentuk persepsi positif media dan wartawan terhadap diri mereka. Para informan menegaskan, keperibadian dan pembawaan diri ahli politik wanita adalah merangkumi perkara seperti (a) berani mengambil risiko; (b) memberikan jawapan dan pandangan yang jelas, tepat dan tidak berbelit-belit (langsung); serta (c) melengkapkan diri dengan kemahiran yang sesuai sejajar dengan kedudukan mereka sebagai ahli politik.

#### ***Berani Mengambil Risiko***

Dari sudut keberanian dalam mengambil risiko, para informan menyatakan, ahli politik lelaki adalah lebih berani mengambil risiko. Maka, ahli politik wanita juga harus lebih agresif dan berani mengambil risiko seperti mana ahli politik lelaki.

*"Sebagai ahli politik wanita...atau...ahli politik...ya...mestilah berani mengambil risiko.... ahli politik lelaki, mereka lebih berani mengambil risiko..." (Informan 3)*

*"...bagi menteri lelaki...mereka lebih berani mengambil risiko...mungkin untuk populariti? Dan untuk menteri wanita...ummm...mereka lebih berhati-hati...mereka risau jika jawapan yang diberikan akan memakan diri... jadi mereka enggan menjawab.." (Informan 8)*

#### ***Memberikan Jawapan Dan Pandangan Yang Jelas, Tepat Dan Tidak Berbelit-Belit (Langsung)***

Dari sudut memberikan jawapan dan pandangan terhadap soalan yang diutarakan oleh wartawan pula, para informan menjelaskan, sebagai sumber berita berkaitan politik, ahli politik tidak kira lelaki atau wanita haruslah memberikan jawapan yang jelas, tepat dan tidak berbelit-belit (langsung). Selain itu, jawapan yang diberikan haruslah jujur dan bukannya jawapan yang samar-samar serta lari dari skop yang dibincangkan.

*"Tambah...sumber...mesti boleh menjawab soalan...seperti yang ditanya oleh kami wartawan...dengan betul...tepat. Saya tidak mahu jawapan yang samar-samar...ia mesti dalam skop...dalam isu yang sedang berlaku pada masa itu" (Informan 1)*

*“Sebagai wartawan.... Saya lebih suka sumber...sumber berita...yang boleh memberi jawapan yang jelas...terus terang.....kejelasan...itu yang diperlukan...” (Informan 5)*

*“Sumber...untuk bahan berita saya...saya...mahu.... mereka harus...jujur...berterus terang...kita boleh tahu...jika mereka berselindung...berikan sahaja...jawapan yang jelas...” (Informan 7)*

### ***Melengkapkan Diri Dengan Kemahiran Yang Sesuai Sejajar Dengan Kedudukan Mereka Sebagai Ahli Politik***

Dari sudut melengkapkan diri dengan kemahiran yang sesuai sejajar dengan kedudukan sebagai ahli politik pula memperlihatkan akan keperluan bagi ahli politik tidak kira lelaki atau wanita untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran tertentu. Ini kerana ahli politik sering dipilih berdasarkan karisma dan kemahiran interpersonal mereka. Ia merangkumi kemahiran menjawab soalan, kemahiran mendalami isu-isu berkaitan, kemahiran menonjolkan diri, kemahiran mengendali dan mengawal diri serta lain-lain kemahiran yang berkaitan.

*“.... bergantung kepada individu. Sama ada mereka boleh menjawab soalan...atau mereka tahu isu-isunya...walaupun...ahhh...portfolio wanita...jawapannya tidak semestinya.... mereka mesti lantang...” (Informan 1)*

*“Sebagai ahli politik...emmm...mereka mesti ada...keupayaan dan kemahiran...untuk mengendalikan diri sendiri. Ideologi juga diperlukan...dalam politik. Mesti ada...timbal balik antara satu sama lain.” (Informan 7)*

*“...emmm...ini semua tentang bagaimana mereka menunjukkan diri mereka. Adakah mereka mampu mempamerkan diri mereka kepada rakyat...” (Informan 8)*

Kajian terdahulu membuktikan bahawa berani mengambil risiko, memberikan jawapan dan pandangan yang jelas serta melengkapkan diri dengan kemahiran yang sesuai merupakan perkara penting yang harus dititikberatkan oleh ahli politik selagi mana mereka terus berada dalam bidang ini.

Van Kleef (2021) menyatakan, dalam persekitaran yang cukup kompetitif, pemimpin yang berani mengambil risiko biasanya akan mendapat ganjaran yang setimpal (positif) dan kebiasaan ahli politik lelaki dilihat sangat berani mengambil risiko. Menurut Lawless dan Fox (2008), apabila diberi peluang memberi ulasan, kebanyakan ahli politik wanita jarang menjawab secara langsung dengan pendapat yang jelas. Ini menyebabkan para wartawan kurang berminat untuk menemui bual ahli politik wanita kerana jawapan yang diberikan tersebut adalah samar dan tidak jelas. Bahasa samar merujuk kepada penggunaan komponen linguistik, seperti tatabahasa dan khususnya leksis, untuk mengubah dan mengaburkan makna komunikasi (Peter, 2018). Dengan itu, ahli politik wanita harus memberikan jawapan yang jelas dan tepat serta mengelakkan diri dari memberikan jawapan yang samar bagi memastikan para wartawan selesa dan seterusnya menjadikan mereka sebagai sumber berita.

Manakala, Archer dan Davison (2008) serta Lee (2013) pula menjelaskan, kejayaan sebagai ahli politik memerlukan individu tersebut memiliki pelbagai kemahiran termasuk kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah. Keupayaan untuk berkomunikasi dengan jelas dan berkesan adalah salah satu sifat paling penting yang harus dimiliki oleh seorang ahli politik. Kriesi

(2012) pula menyatakan, ahli politik sering dipilih bukannya berdasarkan kepada kelayakan mereka, tetapi berdasarkan karisma dan kemahiran interpersonal yang dimiliki. Walaupun matlamat dan aspirasi politik mereka mampu mempengaruhi pengundi, namun watak moral yang dimiliki oleh ahli politik tersebut lebih memberikan impak yang besar terhadap pilihan pengundi.

### Kesimpulan

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa wartawan Malaysia tidak mempunyai persepsi negatif terhadap ahli politik wanita. Ini selaras dengan tanggungjawab dan matlamat mereka sebagai wartawan yang ingin berkhidmat kepada masyarakat dan menjalankan tugas dengan penuh beretika. Pengalaman sendiri serta pemerhatian mereka terhadap rakan sekerja dan persekitaran membentuk asas idea mereka terhadap ahli politik wanita. Kurangnya perwakilan ahli politik wanita dalam arena politik bukanlah disebabkan oleh diskriminasi para wartawan tetapi atas faktor lain seperti norma budaya dan masyarakat setempat. Wartawan hanya menjalankan tanggungjawab mereka sahaja yakni menjadikan ahli politik sebagai pakar rujuk atau sumber berita disebabkan oleh kredibiliti dan kelayakan yang dimiliki dan bukannya berdasarkan jantina.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa wartawan Malaysia menyedari akan kekangan yang dihadapi oleh ahli politik wanita dalam memaksimumkan gerakan dan tindakan politik mereka. Kepercayaan tradisional bahawa wanita harus tinggal di rumah dan tidak sesuai untuk terlibat dalam arena politik adalah salah satu pemikiran serius yang perlu diubah jika kita mahu melihat lebih banyak penyertaan ahli politik wanita. Adalah menjadi satu kerugian bagi negara untuk dipimpin oleh ahli politik wanita yang mahir jika keupayaan dan kemahiran mereka dinafikan atas sebab yang tidak relevan.

### Penghargaan

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada wartawan Malaysia yang mengambil bahagian sebagai informan dalam kajian ini. Kesediaan untuk berkongsi pengalaman dan perspektif mereka adalah penting dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana menyediakan kemudahan dan sumber yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan ini.

### Rujukan

- Abdul Manan, S. (2019). Covering women candidates in news reports on Malaysia's 14th general elections. *Discourses of Southeast Asia: A social Semiotic Perspective*, 1-22.
- Archer, W., & Davison, J. (2008). Graduate employability. *The Council for Industry and Higher Education*, 1, 20.
- Azizah, W. (2002). Women in politics: reflections from Malaysia. International IDEA. *Women in Parliament*, 191-202.
- Azmawati, A. A., Endut, N., Mohd Hashim, I. H., Selamat, N. H., & Ying, K. (2017). Negotiation with Patriarchy in Women's Lives: A Case Study in a Malaysian Public University. *Journal of Business and Economics Review (JBER)* 2(1), 28-35.
- Bligh, M. C., Schlehofer, M. M., Casad, B. J., & Gaffney, A. M. (2012). Competent enough, but would you vote for her? Gender stereotypes and media influences on perceptions of women politicians. *Journal of Applied Social Psychology*, 42(3), 560-597.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.

- Coyne, I. T. (1997). Sampling in qualitative research. Purposeful and theoretical sampling; merging or clear boundaries? *Journal of Advanced Nursing*, 26(3), 623-630.
- Creswell, J. W., Hanson, W. E., Clark Plano, V. L., & Morales, A. (2007). Qualitative research designs: Selection and implementation. *The Counselling Psychologist*, 35(2), 236–264.
- Department of Statistics Malaysia. (2021). *Statistics Report on Women Empowerment in Selected Domains, Malaysia, 2021*. Ministry of Economics.
- Fernández-Rovira, C. & Giraldo-Luque, S. (2021). How Are Women Politicians Treated in the Press? The Case of Spain, France and the United Kingdom. *Journalism and Media*, 2(4), 732-745.
- Gelashvili, T. (2019). Political opportunities for the extreme right in Georgia. *Terrorism and Political Violence*, 30(5), 772–792.
- Goyanes, M., López-López, P. C., & Demeter, M. (2021). Social media in Ecuador: Impact on journalism practice and citizens' understanding of public politics. *Journalism Practice*, 15(3), 366-382.
- Kesatuan Antara Parlimen. (2017). What is the IPU? *IPU Information Brochure*, 1-16.
- Konnelly, L. (2020). “The woman in the background”: Gendered Nouns in CNN and FOX Media Discourse. *Journal of English Linguistics*, 48(3), 233-257.
- Kriesi, H. (2012). Personalization of national election campaigns. *Party Politics*, 18(6), 825–844.
- Kumari, A., & Joshi, H. (2015). Gender stereotyped portrayal of women in the media: Perception and impact on adolescent. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, 20(4), 44-52.
- Lawless, J. L., & Fox, R. L. (2008). Why Are Women Still Not Running for Public Office? *Issues in Government Studies*, 16, 1-20.
- Lee, E.-J. (2013). Effectiveness of politicians' soft campaign on Twitter versus TV: Cognitive and experiential routes. *Journal of Communication*, 63(5), 953–974.
- Louis, W., Thomas, E., McGarty, C., Lizzio-Wilson, M., Amiot, C., & Moghaddam, F. (2020). The volatility of collective action: Theoretical analysis and empirical data. *Political Psychology*, 41, 35-74.
- Manimaran, G. (2021, Julai 6). Krisis dan kewartawan saling mewarnai. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-krisis-dan-kewartawan-saling-mewarnai-306882>
- Mohd Zuwairi, M.S., Normah, M., Abdul Latiff, A., & Badrul Redzuan, A.H. (2016). Pemilihan dan autoriti sumber berita bingkai pilihanraya di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 561-579.
- Munir, S., Shehzad, H., & Sahi, A. (2014). Media Analysis of Women's Participation in Politics. *Journal of Mass Communication and Journalism*, 4(3), 1-10.
- Persidangan Wanita Sedunia Beijing. (1995). Action for Equality, Development and Peace. <https://www.un.org/womenwatch/daw/beijing/fwcn.html>
- Peter, C. (2020). The Will of the People? Effects of Politicians' Subjective Claims About Public Opinion on Perceived Public Opinion and Evaluative Judgments. *Mass Communication and Society*, 1-27.
- Pusat Hak Asasi dan Pendidikan (EMC) Georgia. (2015). *Analysis of the Court Ruling on the Case of May 17, 2013*. <https://emc.org.ge/en/products/2013-tslis-17-maisis-sakmestan-dakavshirebit-sasamartlos-ganachenis-analizi>
- Schwab, K., Crotti, R., Geiger, T., & Ratcheva, V. (2019). *Global Gender Gap Report 2020: Insight Report*. World Economic Forum.
- Stoet, G., & Geary, D. C. (2020). The gender-equality paradox is part of a bigger phenomenon: Reply to Richardson and colleagues (2020). *Psychological science*, 31(3), 342-344.

- The Malaysian Insights. (2017). Women fooled by empty promises. *The Malaysian Insight*. Retrieved from <https://www.themalaysianinsight.com/s/27254>
- Van Kleef, G. A., Heerdink, M. W., Cheshin, A., Stamkou, E., Wanders, F., Koning, L. F., & Georgeac, O. A. (2021). No guts, no glory? How risk-taking shapes dominance, prestige, and leadership endorsement. *Journal of Applied Psychology*, 106(11), 1673.
- Van der Pas, D. J., & Aaldering, L. (2020). Gender differences in political media coverage: a meta-analysis. *Journal of Communication*, 70(1), 114-143.
- Vu, H. T., Lee, T. T., Duong, H. T., & Barnett, B. (2018). Gendering leadership in Vietnamese media: A role congruity study on news content and journalists' perception of female and male leaders. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 95(3), 565-587.
- World Economic Forum. (2023). *Global Gender Gap Report 2023*. Geneva: World Economic Forum.
- Yeong, P. J. (2018). How women matter: Gender representation in Malaysia's 14th General Election. *The Round Table*, 107(6), 771-786.